

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BIL. 4/1975**

---

- (a) Hakmilik Sementara (Borang 11A dan 11B)
- (b) Borang Pindahmilik Tanah (Borang 14A)

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah kepada kandungan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 13/1975 yang telah dikeluarkan baharu-baharu ini bersabit dengan perkara yang di atas yang mana saya percaya semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah telah menerimanya.

2. Bagaimana yang diterangkan dalam Pekeliling itu Borang Hak-milik Sementara yang sedang dipakai sekarang ini hanya sah digunakan sehingga 14hb. Disember, 1975 sahaja. Maka mulai dari 15hb. Disember, 1975 tiap-tiap surat Hakmilik Sementara (Q.T) mahulah menggunakan Borang 11A dan 11B yang baharu.

3. Dalam Borang 11A dan 11B yang baharu ada disediakan ruangan untuk “Syarat Nyata” dan juga untuk “Sekatan Kepentingan” di muka hadapannya. Mengikut amalan sekarang “Syarat Nyata” dan “Sekatan Kepentingan” dicatitkan di atas muka dua. Cara ini didapati tidak sesuai lagi.

4. Begitu juga Borang Pindahmilik, iaitu Borang 14A, yang dipakai sekarang ini tidak boleh digunakan pada atau selepas 15.12.1975. Bagi menepati kehendak Seksyen 208(1)(c) K.T.N Borang 14A yang baharu telah disediakan ruangan untuk membolehkan bahagian-bahagian orang yang berkongsi itu disebutkan dengan terangnya.

5. Oleh itu semua Pemungut-Pemungut hasil Tanah adalah diminta mngambil ingatan akan kandungan Pekeliling itu dan disamping itu diminta mengambil tindakan segera menghantar inden masing-masing kepada Jabatan Percetakan Kerajaan seperti biasa melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk mendapatkan bekalan Borang 11A, 11B dan 14A yang baharu.

6. Untuk mengelakkan apa-apa kesulitan yang mungkin timbul kelak terbit dari perubahan Borang ini dan juga untuk melicinkan pendaftaran Hakmilik Sementara di Pejabat Pendaftaran, Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya menyediakan Q.T dengan menggunakan Borang 11A yang lama untuk diedarkan ke pejabat ini hanya setakat 5/12/1975 sahaja. Hakmilik Sementara yang disediakan selepas dari tarikh itu hendaklah menggunakan Borang 11A yang baharu. Persediaan dan pendaftaran Hakmilik Sementara di Pejabat Tanah dengan menggunakan Borang 11B yang lama bolehlah diteruskan sehingga tarikh akhir, iaitu 14.12.1975.

7. Sayugia ditegaskan sekali lagi bahawa Hakmilik Sementara yang disediakan di Pejabat Tanah untuk didaftarkan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian selepas 5.12.1975 hendaklah dengan menggunakan Borang 11A yang baharu.

8. Melalui arahan ini Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah diminta memberitahu orang ramai samada melalui Mesyuarat Penggawa dan Penghulu atau memberitahu dengan bersurat mengenai perubahan ini, khasnya mengenai Borang Pindahmilik Tanah yang baharu iaitu Borang 14A.

Saya yang menurut perintah,  
t.t.  
(MOHD. TAJOL AROS B.AHMAD)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**PTG.Kn.Sulit 80/60 Bhg.VI/(6)  
24hb.November,1975.**

Kepada: Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah, Kelantan

S.K. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan, Kota Bharu.  
Semua Pegawai-Pegawai Jajahan, Kelantan.

Salinan/ra